



KEMENTERIAN SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR  
DAN PERUBAHAN IKLIM  
JABATAN ALAM SEKITAR

## SIARAN MEDIA JABATAN ALAM SEKITAR

2 OKTOBER 2023

---

### LAPORAN STATUS KUALITI UDARA DAN JEREBU DALAM NEGARA

---

2 Oktober 2023, PUTRAJAYA - Indeks Pencemar Udara (IPU) yang direkodkan di laman web Jabatan Alam Sekitar pada jam 12 tengahari ini menunjukkan 5 kawasan mencatatkan status kualiti udara pada tahap baik dan 49 kawasan mencatatkan status kualiti udara pada tahap sederhana. **14 stesen mencatatkan bacaan IPU pada tahap tidak sihat pada hari ini iaitu di:**

1. Taiping, PERAK (IPU 151)
2. Batu Muda, W.P. KUALA LUMPUR (IPU 151)
3. Cheras, W.P. KUALA LUMPUR (IPU 163)
4. Putrajaya, W.P. PUTRAJAYA (IPU 155)
5. Petaling Jaya, SELANGOR (IPU 155)
6. Shah Alam, SELANGOR (IPU 156)
7. Klang, SELANGOR (IPU 134)
8. Banting, SELANGOR (IPU 156)

9. Nilai, NEGERI SEMBILAN (IPU 163)
10. Seremban, NEGERI SEMBILAN (IPU 157)
11. Port Dickson, NEGERI SEMBILAN (IPU 155)
12. Alor Gajah, MELAKA (IPU 133)
13. Bukit Rambai, MELAKA (IPU 151)
14. Johan Setia, SELANGOR (IPU 151)

Kualiti udara dalam negara pada hari ini didapati masih merosot dengan peningkatan kawasan yang mencatatkan bacaan IPU yang tidak sihat terutama di kawasan pantai barat Semenanjung Malaysia.

Berdasarkan laporan oleh *ASEAN Specialised Meteorological Centre (ASMC)* yang berpusat di Singapura pada **1 Oktober 2023**, imej satelit *National Oceanic and Atmospheric Administration (NOAA) 20*, sebanyak **121 titik panas (*hotspot*)** dikesan di Sumatera, **122 titik panas (*hotspot*)** dikesan di Kalimantan dan tiada titik panas (*hotspot*) dikesan di dalam negara.

Peta Jerebu Serantau yang dikeluarkan oleh ASMC pada **1 Oktober 2023** (Rajah 1) melaporkan rantau selatan ASEAN mengalami keadaan mendung kecuali di bahagian selatan Sumatera, selatan Kalimantan, Jawa dan Kepulauan Sunda Kecil mengalami keadaan kering.

**JAS** telah meningkatkan tindakan penguatkuasaan dan aktiviti rondaan harian ke kawasan-kawasan yang berpotensi berlakunya aktiviti pembakaran terbuka serta memantau bacaan IPU dari masa ke semasa.

**Pelan Tindakan Pembakaran Terbuka Kebangsaan dan Pelan Tindakan Jerebu Kebangsaan telah diaktifkan bagi menyelaraskan tindakan-tindakan agensi Kerajaan dalam menangani isu pembakaran terbuka dan menghadapi situasi jerebu negara.**

**Semua pemilik tanah dinasihatkan supaya memantau secara rapi kawasan-kawasan yang mudah dan sering terbakar seperti tapak pelupusan sampah, hutan, tanah gambut, ladang, kawasan pertanian dan industri serta mengambil langkah-langkah untuk mencegah pencerobohan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggung jawab sehingga menyebabkan pembakaran terbuka sama ada untuk tujuan tertentu atau dengan tidak sengaja.**

#### **NASIHAT KEPADA ORANG RAMAI**

- **Bacaan IPU terkini setiap jam boleh dirujuk di laman web Jabatan Alam Sekitar (JAS) di alamat url, <http://apims.doe.gov.my/> atau dengan memuat turun aplikasi telefon pintar rasmi MyIPU di 'Google Play' .**
- **Orang ramai dinasihatkan melayari laman web Kementerian Kesihatan Malaysia ([www.moh.gov.my](http://www.moh.gov.my)) bagi mendapatkan nasihat kesihatan dan langkah-langkah pencegahan semasa jerebu;**
- **Orang ramai diingatkan agar tidak melakukan pembakaran terbuka atau membiarkan tanah atau premis kepunyaan mereka dimasuki atau dicerobohi oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab sehingga menyebabkan pembakaran terbuka untuk tujuan tertentu atau dengan tidak sengaja. Menurut Seksyen 29(A), Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, mereka yang disabitkan dengan kesalahan melakukan pembakaran terbuka boleh dikenakan denda tidak melebihi RM 500,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi**

5 tahun atau kedua-duanya sekali. Kompaun maksimum sebanyak RM 2000 juga boleh dikenakan atas setiap kesalahan.


- Orang ramai diminta bekerjasama untuk memadam kebakaran-kebakaran kecil dan juga melaporkan kes-kes pembakaran terbuka atau kebakaran kepada Jabatan Perkhidmatan Bomba dan Penyelamat di talian **999** dan Jabatan Alam Sekitar (JAS) di talian bebas tol, **1-800-88-2727**

**-TAMAT-**

**DATO' WAN ABDUL LATIFF BIN WAN JAFFAR**  
Ketua Pengarah Alam Sekitar Malaysia

PETA JEREBU SERANTAU 1 OKTOBER 2023

Regional Haze Situation



**Latest Weather and Haze Situation**

The weather was dry over southern Sumatra, southern Kalimantan, Java and the Lesser Sunda Islands today while cloudy conditions prevailed over other parts of the southern ASEAN region. While cloud cover had partly obscured satellite observation, scattered hotspots continued to be detected in southern Sumatra and southern Kalimantan. Moderate to dense smoke plumes emanating from persistent hotspot clusters were observed in South Sumatra and the smoke plumes had been blown towards the northwest by prevailing winds. Over southern Kalimantan, many areas in the South Kalimantan and Central Kalimantan provinces remained enveloped by widespread moderate to dense haze, and air quality at Unhealthy to Very Unhealthy levels were reported by many stations there.

Updated 5:22 PM 01 Oct

**Weather and Haze Outlook**

With dry weather forecast to prolong over southern and central Sumatra and southern Kalimantan in the coming days, elevated hotspot activity and moderate to dense haze conditions can be expected to persist there. The prevailing winds are forecast to blow mainly from the southeast or southwest. Under these conditions, there is an increased risk of transboundary haze occurrence.

Updated 5:22 PM 01 Oct

## BILANGAN TITIK PANAS (*HOTSPOT*) 1 OKTOBER 2023

TARIKH : 01 OKTOBER 2023  
HARI : AHAD  
SATELIT : NOAA20

SEMENANJUNG MALAYSIA		
BIL	NEGERI	HOTSPOT
1	Johor	0
2	Kedah	0
3	Kelantan	0
4	Melaka	0
5	Negeri Sembilan	0
6	Pahang	0
7	Perak	0
8	Perlis	0
9	Pulau Pinang	0
10	Sabah	0
11	Sarawak	0
12	Selangor	0
13	Terengganu	0
14	W.P. Kuala Lumpur	0
15	W.P. Putrajaya	0
16	W.P. Labuan	0
JUMLAH HOTSPOT		0

NEGARA SERANTAU		
BIL	NEGARA	HOTSPOT
1	Sumatera	121
2	Kalimantan	122
3	Brunei	0

**BACAAN IPU BAGI SELURUH MALAYSIA JAM 12 TENGAHARI, 2 OKTOBER 2023**

STATION ID	LOCATION	Date/Time: 02/10/2023 12:00	
		API	CLASS
CA01R	Kangar, PERLIS	76**	Moderate
CA02K	Langkawi, KEDAH	71**	Moderate
CA03K	Alor Setar, KEDAH	81**	Moderate
CA04K	Sungai Petani, KEDAH	86**	Moderate
CA05K	Kulim Hi-Tech, KEDAH	82**	Moderate
CA06P	Seberang Jaya, PULAU PINANG	99**	Moderate
CA07P	Seberang Perai, PULAU PINANG	89**	Moderate
CA08P	Minden, PULAU PINANG	82**	Moderate
CA09P	Balik Pulau, PULAU PINANG	86**	Moderate
CA10A	Taiping, PERAK	151**	Unhealthy
CA11A	Tasek Ipoh, PERAK	96**	Moderate
CA12A	Pegoh Ipoh, PERAK	84**	Moderate
CA13A	Seri Manjung, PERAK	86**	Moderate
CA14A	Tanjung Malim, PERAK	87**	Moderate
CA15W	Batu Muda, W.P. KUALA LUMPUR	151**	Unhealthy
CA16W	Cheras, W.P. KUALA LUMPUR	163**	Unhealthy
CA17W	Putrajaya, W.P. PUTRAJAYA	155**	Unhealthy
CA18B	Kuala Selangor, SELANGOR	88**	Moderate
CA19B	Petaling Jaya, SELANGOR	155**	Unhealthy
CA20B	Shah Alam, SELANGOR	156**	Unhealthy
CA21B	Klang, SELANGOR	134**	Unhealthy
CA22B	Banting, SELANGOR	156**	Unhealthy
CA23N	Nilai, NEGERI SEMBILAN	163**	Unhealthy
CA24N	Seremban, NEGERI SEMBILAN	157**	Unhealthy
CA25N	Port Dickson, NEGERI SEMBILAN	155**	Unhealthy
CA26M	Alor Gajah, MELAKA	133**	Unhealthy
CA27M	Bukit Rambai, MELAKA	151**	Unhealthy
CA28M	Bandaraya Melaka, MELAKA	94**	Moderate
CA29J	Segamat, JOHOR	92**	Moderate
CA31J	Batu Pahat, JOHOR	94**	Moderate
CA32J	Kluang, JOHOR	71**	Moderate
CA33J	Larkin, JOHOR	83**	Moderate
CA34J	Pasir Gudang, JOHOR	76**	Moderate
CA35J	Pengerang, JOHOR	63**	Moderate
CA36J	Kota Tinggi, JOHOR	65**	Moderate
CA66J	Tangkak, JOHOR	97**	Moderate
CA37C	Rompin, PAHANG	84**	Moderate
CA38C	Temerloh, PAHANG	93**	Moderate
CA39C	Jerantut, PAHANG	66**	Moderate
CA40C	Indera Mahkota Kuantan, PAHANG	85**	Moderate
CA41C	Balok Baru Kuantan, PAHANG	71**	Moderate

STATION ID	LOCATION	Date/Time: 02/10/2023 12:00	
		API	CLASS
CA42T	Kemaman, TERENGGANU	79**	Moderate
CA43T	Paka, TERENGGANU	78**	Moderate
CA44T	Kuala Terengganu, TERENGGANU	61**	Moderate
CA45T	Besut, TERENGGANU	56**	Moderate
CA46D	Tanah Merah, KELANTAN	60**	Moderate
CA47D	Kota Bharu, KELANTAN	71**	Moderate
CA48S	Tawau, SABAH	70**	Moderate
CA49S	Sandakan, SABAH	44**	Good
CA50S	Kota Kinabalu, SABAH	46**	Good
CA51S	Kimanis, SABAH	19**	Good
CA52S	Keningau, SABAH	49**	Good
CA53L	Labuan, W.P. LABUAN	45**	Good
CA54Q	Limbang, SARAWAK	53**	Moderate
CA55Q	ILP Miri, SARAWAK	51**	Moderate
CA56Q	Miri, SARAWAK	52**	Moderate
CA57Q	Samalaju, SARAWAK	56**	Moderate
CA58Q	Bintulu, SARAWAK	54**	Moderate
CA59Q	Mukah, SARAWAK	51**	Moderate
CA60Q	Kapit, SARAWAK	65**	Moderate
CA61Q	Sibu, SARAWAK	57**	Moderate
CA62Q	Sarikei, SARAWAK	59**	Moderate
CA63Q	Sri Aman, SARAWAK	71**	Moderate
CA64Q	Samarahan, SARAWAK	64**	Moderate
CA65Q	Kuching, SARAWAK	70**	Moderate
<b>MCAQM (Current API Value &amp; Class)</b>			
STATION ID	LOCATION	Date/Time:02/10/2023 12:00	
		API	STATUS
MCAQM001	Johan Setia	151**	Unhealthy
MCAQM002	IPD Serian	74**	Moderate
MCAQM003	Politeknik Kota Kinabalu	58**	Moderate